

## **MEMPERLUAS PELAKSANAAN WAKAF PENDIDIKAN DI MALAYSIA**

### ***EXPANDING THE IMPLEMENTATION OF EDUCATION WAQF IN MALAYSIA***

**Mohd Faizal Noor Ariffin\*, Mohammad Zaini Yahaya and Abdul Basir Mohamad**

Center for Sharia Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: mofana\_5503@yahoo.com

**Published online:** 31 October 2024

**To cite this article:** Mohd Faizal Noor Ariffin, Mohammad Zaini Yahaya and Abdul Basir Mohamad. Memperluaskan pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia. *Kajian Malaysia* 42(2): 313–332. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.2.14>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/km2024.42.2.14>

## **ABSTRACT**

*Providing a conducive and contemporary educational infrastructure requires a large-scale budget. Plus, learning ecosystem should be developed in line with current technologies. It is inefficient to depend on government allocation for education in the long run. Constructive engagement dan active contribution from all parties are strongly needed. Hence, stern actions to come out with comprehensive, concrete and resilient solutions are essential. This vacuum can be filled with education waqf as an alternative shariah compliance financial mechanism which characterise a complementative and sustainable fund. This article aims to review the feasibility of education waqf for the school level in the Malaysian status quo and education system. Qualitative approach with content analysis is used. The data collection method is the analysis of secondary source documents and being analysed descriptively as well as inductively. The results show that there are several constraints to implement educational waqf broadly such as legal factors. However, there are still spaces that can be utilised to implement educational waqf comprehensively through collaborative cooperation with stakeholders. All stakeholders in education must manipulate all capabilities and resources towards realising this aspiration, especially in an era of increasingly complex education with the COVID-19 pandemic threat and global economic uncertainty.*

**Keywords:** waqf, education waqf, importance of education, education system, digital education

## ABSTRAK

*Menyediakan infrastuktur pendidikan yang kondusif dan kontemporari memerlukan dana bersaiz mega. Tambahan pula, ekosistem pembelajaran wajar dibangunkan seiring perkembangan teknologi semasa. Sudah pasti pergantungan sepenuhnya kepada peruntukan kerajaan untuk pendidikan bukan sesuatu yang efisien dari segi jangka panjang. Penglibatan dan sumbangan pelbagai pihak sangat diperlukan. Oleh itu, sumber kewangan alternatif untuk pendidikan yang lebih komprehensif, konkrit dan lestari amat mendesak. Ruang ini boleh diisi dengan mekanisme kewangan patuh syariah yang bersifat pelengkap dan mapan iaitu melalui wakaf pendidikan. Makalah ini bertujuan mengkaji kebolehlaksanaan wakaf pendidikan di peringkat sekolah dalam kerangka sistem dan status quo pendidikan di Malaysia. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan telah digunakan untuk memahami situasi ini dengan lebih mendalam. Metode kutipan data menggunakan analisis dokumen sumber sekunder manakala data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif serta induktif. Hasil kajian mendapati wujud beberapa kekangan untuk mengimplimentasi wakaf pendidikan secara meluas seperti faktor perundangan. Namun, masih terdapat ruang yang boleh dimanfaatkan sebaiknya untuk mengaktifkan wakaf pendidikan secara menyeluruh iaitu melalui kerjasama secara kolaboratif dengan pihak-pihak berkepentingan. Semua pemegang taruh dalam pendidikan mesti memanipulasi segala keupayaan dan sumber ke arah merealisasikan hasrat murni ini terutama di era dunia pendidikan yang semakin rumit ditambah ancaman pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi global.*

**Kata kunci:** wakaf, wakaf pendidikan, kepentingan pendidikan, sistem pendidikan, pendidikan digital

## PENGENALAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mengertikan pendidikan sebagai didikan, latihan atau ajaran. Proses ini meliputi tindakan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, spiritual dan fizikal seseorang insan. Pendidikan juga merujuk kepada aktiviti persekolahan (Sang 2008). Matlamat pendidikan pula ialah membentuk sebuah masyarakat yang lebih murni dan

bernilai seiring dengan falsafah yang telah ditetapkan oleh sesebuah institusi pendidikan. Kebolehan manusia juga akan dicanai sehingga mereka mampu berada di tahap profesional yang tinggi (Kamarul Azmi dan Ab. Halim 2007). Secara ringkasnya, pendidikan ialah satu usaha untuk menerima atau memberi pengajaran yang teratur khususnya di sesebuah institusi seperti sekolah atau universiti. Pendidikan akan berterusan sepanjang hayat seseorang sama ada secara formal atau tidak formal (UNESCO 2019).

Hak mendapatkan pendidikan merupakan suatu hak yang diiktiraf sejagat. Artikel 26 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 menyatakan pendidikan bukan suatu keistimewaan tetapi ialah hak asasi manusia. Setiap insan memiliki hak tersebut, malah pendidikan peringkat rendah wajar diberikan dengan percuma bahkan patut diwajibkan. Pendidikan yang dimaksudkan ialah satu usaha yang dapat membina watak kemanusiaan dan membawa ke arah persefahaman serta toleransi dalam kepelbagaian kumpulan negara, bangsa dan agama. Ibu bapa pula berhak memilih jenis pendidikan yang sesuai untuk anak-anak mereka (United Nations 1948).

Hak berpendidikan sebagai hak asasi manusia juga dipertegas dengan dinyatakan dalam pelbagai perjanjian (*treaties*) antarabangsa seperti Convention Against Discrimination in Education (CADE) 1960, International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR) 1966, Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) 1979 dan Convention on the Rights of the Child (CRC) 1989. Bukan itu sahaja, setiap kelompok rakyat sama ada kanak-kanak, remaja, pemuda hatta warga emas berhak mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Dari sudut undang-undang dan iltizam politik, menjadi tugas kerajaan menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk rakyat (UNESCO 2019).

Pendidikan juga merupakan wahana terpenting dalam pembentukan seseorang individu untuk membina pengetahuan, sikap dan kemahiran positif seterusnya dapat memajukan diri dan keluarga serta dapat menyumbang pula kepada masyarakat, agama, bangsa, negara hatta dunia. Pengetahuan dan pendidikan ialah elemen asas kepada proses untuk melahirkan manusia yang berilmu dan baik serta membawa ke arah kebahagiaan dan kejayaan. Berdasarkan semua asas kepentingan pendidikan tersebut, maka setiap insan memiliki hak dan akses kepada pendidikan tanpa diskriminasi atas apa jua alasan atau dikenali sebagai konsep pendemokrasian pendidikan. Hal ini dikukuhkan lagi dengan matlamat dan konotasi demokrasi itu sendiri yang bererti keadaan sosial tanpa perbezaan keistimewaan kelas (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Prinsip yang menjadi tonggak kepada demokrasi juga terdiri daripada nilai persamaan, keadilan serta tiada diskriminasi kerana

perbezaan latar belakang, status sosial dan sebagainya. Hal ini bermakna, setiap rakyat di mana-mana negara menikmati hak dan berkongsi tanggungjawab serta peluang yang terbuka dalam semua perkara (Azizi, Mohd Syuja' dan Nazri 2013).

Di samping itu, pendidikan peringkat awal merangkumi prasekolah, sekolah rendah dan menengah adalah amat mustahak dalam perjalanan pembelajaran seseorang sebagai persiapan rapi untuk melangkah sama ada ke peringkat pengajian tinggi, alam pekerjaan, hidup berkeluarga atau bermasyarakat. Dari segi undang-undang dan dasar di negara ini, terdapat pelbagai klausa yang menyentuh tentang hak dan tanggungjawab pendidikan seseorang rakyat seperti dalam Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 29A(2) Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak mengikuti pelajaran rendah selama enam tahun dan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025) pula menegaskan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bahawa setiap murid berhak memperoleh akses kepada pendidikan (Parlimen Malaysia 1963; KPM 2002; 2013).

Walau sepeenting manapun pendidikan, realiti menunjukkan ia bukan suatu yang percuma. Pendidikan juga memerlukan kos atau sumber kewangan yang sangat besar. Seperti yang telah dinyatakan, tanggungjawab kerajaan di sesebuah negara ialah menyediakan pendidikan berkualiti. Berdasarkan saranan UNESCO, peruntukan minimum untuk pendidikan bagi sesebuah negara ialah 26% daripada bajet tahunan negara (Adebayo dan Abdul Raheem 2019). Namun, tanggungjawab ini sewajarnya dipikul bersama oleh kelompok lain dalam negara sama ada rakyat, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, parti-parti politik dan sebagainya. Kolaborasi bersepadu ini boleh menjadi pemangkin kepada kelangsungan pendidikan berkualiti sepanjang hayat untuk setiap warga negara pada kadar mampu milik tanpa ada yang terkecuali atau tercicir.

Dari segi sejarah, sejak ribuan tahun dahulu, sumbangan awam dengan pelbagai nama sama ada wakaf, amanah (*trust*) atau derma (*endowment*) telah membuktikan keunggulannya dalam mendanai pelbagai usaha untuk kebajikan masyarakat termasuk pendidikan yang berlaku sama ada di negara Timur atau Barat. Sebagai contoh, wakaf adalah antara pemangkin pembinaan Masjid Quba' dan Masjid Nabawi (622M) semasa zaman Nabi Muhammad SAW yang juga berperanan sebagai institusi pendidikan. Turut mendapat manfaat wakaf ialah pembinaan Universiti Cordova di Andalus, Universiti al-Azhar di Mesir dan Madrasah Nizamiyah di Baghdad (Mohd Syakir et al. 2017). Di Barat pula terutamanya di Amerika Syarikat dan United Kingdom, pelbagai universiti telah

mengaplikasi konsep amanah serta derma sebagai sumber kewangan seperti di Universiti Oxford dan Universiti Cambridge (Siti Mashitoh, Asmak dan Azizi 2018b).

Atas asas kepentingan pendidikan dan bebanan kewangan yang berat untuk pembiayaan pendidikan, maka wakaf pendidikan boleh dicadangkan sebagai dana sekunder bagi memastikan pendidikan berkualiti dapat disediakan kepada rakyat secara berterusan sesuai dengan ciri wakaf yang bersifat konkrit dan lestari. Kehadiran wakaf sebagai dana komplementatif tidak seharusnya dilihat sebagai pesaing atau pencabar status quo tetapi lebih kepada sahabat pelengkap. Antara keupayaan wakaf masa kini ialah nilai aset terkumpul bagi wakaf tunai di seluruh dunia ialah USD35 bilion menurut data Bank Dunia (Asharaf 2019). Sebagai kiraan kasar, melalui wakaf tunai kutipan tahunan di negara ini boleh mencapai RM4 bilion ke RM7 bilion jika setiap Muslim dewasa berwakaf serendah RM1 sehari atau RM30 sebulan (Muhammad Sofiyuddin dan Mohd Zamro 2017). Dana sebesar ini boleh dimanfaatkan untuk pelbagai tujuan kebajikan termasuk pendidikan. Oleh itu, keistimewaan wakaf terutama untuk pembiayaan pendidikan wajar diteliti secara objektif seterusnya dapat menghasilkan satu pelan wakaf pendidikan yang lebih bersepadu untuk menyokong kemajuan pendidikan termasuk di Malaysia.

Memperluas bermaksud menyebarkan fungsi wakaf pendidikan ke setiap sektor, institusi dan peringkat pendidikan di Malaysia. Dalam makalah ini, ia merujuk kepada usaha bersepadu untuk memperluas pelaksanaan wakaf bagi membiayai kos pendidikan di peringkat sekolah kerajaan. Wakaf pendidikan ialah dana wakaf yang dikumpul dan digunakan untuk perbelanjaan bidang pendidikan dalam pelbagai jenis dan ciri seperti wakaf asrama pelajar, wakaf bangunan, buku, meja dan lain-lain (Asmak 2009). Dari segi pentadbiran pendidikan di Malaysia, hal ehwal pendidikan terletak di bawah kawalan KPM. KPM bertanggungjawab mengendalikan semua urusan berkaitan pendidikan seperti penubuhan sekolah, menyusun silibus, melatih guru, menguruskan perbelanjaan berkaitan pendidikan dan menjaga keperluan murid (KPM 2021a). Secara ringkasnya, tujuan makalah ini ialah mengkaji kebolehlaksanaan wakaf pendidikan terutama dari sudut halangan dan peluang yang wujud untuk memperluas pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia. Kajian ini melibatkan institusi pendidikan milik kerajaan peringkat sekolah rendah dan menengah memandangkan institusi pendidikan ini masih belum dilaksanakan dana wakaf berbanding institusi pendidikan yang lain.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Data KPM setakat bulan Mei 2021 mencatatkan terdapat 10,225 buah sekolah kebangsaan dan menengah di Malaysia. Jumlah keseluruhan murid ialah 4,793,944 dan jumlah guru seramai 412,284 (KPM 2021a). Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar bagi membiayai operasi bidang pendidikan peringkat sekolah di negara ini. Sememangnya sektor pendidikan antara penerima peruntukan terbesar dalam bajet negara. Sebagai contoh pada tahun 2019, KPM menerima RM60.2 bilion (19.1% daripada keseluruhan bajet). Bagi bajet tahun 2020, KPM menerima RM64.1 bilion (21.5% daripada keseluruhan bajet). Manakala bagi bajet tahun 2021, KPM menerima RM50.4 bilion (15.6% daripada keseluruhan bajet) (Ketua Setiausaha Perbendaharaan 2018; 2019; 2020). Namun, jika terjadi sesuatu isu di peringkat global atau nasional, contohnya pandemik COVID-19, cabaran pengendalian pendidikan juga boleh menyebabkan kos pendidikan meningkat. Kajian menunjukkan para pendidik serta pelajar banyak bergantung kepada teknologi untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, proses pembelajaran secara dalam talian terjejas disebabkan oleh kekurangan infrastruktur seperti rangkaian dan tenaga (Edeh et al. 2020). Sudah pasti dana yang sangat besar diperlukan untuk menaik taraf kualiti sistem pembelajaran selaras perkembangan teknologi.

Situasi tersebut menunjukkan pergantungan penuh secara berterusan kepada peruntukan kerajaan semata-mata untuk pendidikan bukanlah satu amalan kewangan yang lestari. Hal ini kerana isu-isu nasional dan global seperti wabak COVID-19, ketidak tentuan ekonomi serta kemunculan Revolusi Industri 4.0 boleh mempengaruhi kelangsungan peruntukan kewangan untuk pendidikan. Peristiwa-peristiwa tersebut turut menuntut perubahan kepada operasi pendidikan seperti pengenalan pendidikan digital, Agenda Pendidikan 4.0 serta pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) (Haziyah et al. 2021). Secara langsung atau tidak langsung, kos pendidikan juga akan meningkat seterusnya memerlukan dana tambahan bagi memastikan kelancaran dan kualiti pendidikan negara sentiasa terpelihara. Salah satu mekanisme kewangan yang boleh dicadangkan ialah wakaf. Wakaf untuk pendidikan di Malaysia bukanlah suatu yang asing kerana dikesan telah bermula seiring kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang membiayai pelbagai tujuan dan institusi (Maffuza dan Noor Syahida, 2014). Usaha berterusan untuk memperkasakan wakaf pendidikan giat dijalankan oleh banyak pihak seperti Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2018) dan KPT (2016). Maka, misi ini juga wajar diperluas ke semua aspek dan institusi pendidikan di Malaysia termasuk di peringkat sekolah kerajaan. Wakaf pendidikan boleh diangkat sebagai

dana sokongan kepada peruntukan kerajaan untuk pembiayaan pendidikan. Isu ini memerlukan kajian agar hasrat tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Kajian dan penulisan akademik tentang wakaf telah banyak dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti buku dan makalah dengan pelbagai judul serta menyentuh pelbagai isu oleh para ilmuwan. Perkara ini juga menunjukkan amalan wakaf itu sendiri telah berlangsung sejak sekian lama yang mencecah ribuan tahun. Di sudut etimologi, wakaf berasal daripada bahasa Arab iaitu *waqf* yang merupakan kata terbitan (*masdar*) daripada kata kerja (*fi'l al-madi*) *waqafa*. Secara literal, *waqf* menurut Ibn Manzur bererti berhenti (*al-sakan*), larangan (*al-man'c*) dan tertahan (*al-habs*) (Mohd Huefros, Mohd Nasir dan Muneer Ali 2017). Dari segi terminologi (istilah) fiqh pula, wakaf ditakrifkan sebagai menahan asal iaitu harta wakaf (*ain*) dan menyalurkan manfaatnya kepada penerima wakaf (Nazih 2011). Takrif wakaf menurut Mazhab Shafie, iaitu mazhab yang dominan di Malaysia ialah menahan suatu harta yang bermanfaat milik seseorang individu untuk dimanfaatkan oleh orang lain dengan perkara yang diharuskan syarak bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dan terputus hak milik wakaf (pewakaf) ke atas harta tersebut (Rasyikah et al. 2021). Hal ini juga menunjukkan elemen utiliti keduniaan dan spiritual yang seimbang dalam perbelanjaan seseorang Muslim adalah penting berdasarkan konsep penggunaan menurut perspektif Islam (Elia Syarafina, Nor Hayati dan Noorhaslinda 2021). Harta milik seseorang mesti digunakan secara cermat antara memenuhi keperluan dan kehendak bersifat duniawi dengan menginfakkan sebahagian harta untuk kesejahteraan di akhirat.

Dalam melaksanakan wakaf di Malaysia, undang-undang dan pentadbiran mempunyai kedudukan serta fungsi yang penting. Sebagai contoh, wakaf turut didefinisikan dalam enakmen syariah negeri-negeri seperti Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 iaitu menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) (Dewan Undangan Negeri Selangor 1999). Setiap negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan mempunyai undang-undang atau enakmen berkaitan wakaf. Namun, Selangor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan telah menggubal enakmen yang khusus untuk wakaf (Rasyikah et al. 2021).

Berdasarkan amalan wakaf sejagat, pelaksanaan wakaf dalam sesebuah negara adalah untuk pelbagai tujuan sama ada keagamaan, pendidikan, kemudahan umum,

pertanian, perladangan dan sebagainya walaupun mungkin wujud perbezaan dari segi tatacara pelaksanaannya (Rabiatul et al. 2017). Menurut Monzer Kahf, tujuan pewakafan boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu keagamaan (*religious waqf*), kekeluargaan (*family waqf*) dan kebajikan (*philanthropic waqf*) (Najibah dan Mohd Zamro 2014).

Wakaf pendidikan ialah salah satu daripada tujuan perwakafan untuk kebajikan yang penting. Wakaf pendidikan ialah semua bentuk material berharga sama ada harta, barangan, aset atau tunai yang diinfakkan atas niat wakaf kepada sesebuah institusi atau sektor berkaitan pendidikan secara konsisten atau tidak bagi maksud kegunaan dan faedah orang ramai. Tujuan utama wakaf pendidikan ialah usaha berterusan untuk membangunkan ekonomi bidang pendidikan seterusnya menjana sumber kewangan yang produktif supaya tidak mengharapakan sepenuhnya peruntukan kerajaan (Raja Nor Ashikin dan Nor 'Adha 2014).

Sejarah amalan wakaf di Malaysia termasuk untuk pendidikan dikesan telah bermula seiring kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Wakaf dimanfaatkan untuk membiayai pembinaan bangunan dan kos pengajian di pelbagai institusi pendidikan Islam seperti sekolah pondok, sekolah agama rakyat (SAR), madrasah hingga peringkat kolej. Pada masa dahulu, wakaf diuruskan oleh pimpinan setempat seperti kadi, imam, tuan guru atau ahli jawatankuasa masjid (Mohd. Ali dan Hasan n.d.). Semangat, kerjasama dan pengorbanan masyarakat secara sukarela telah disepadukan dalam pembinaan pondok sama ada dalam bentuk tenaga dan material (Jasni 2015). Secara kronologi, institusi pendidikan yang berasaskan wakaf ini telah bermula dengan sekolah pondok, kemudian diikuti dengan sistem pengajian madrasah atau sekolah beraliran Arab. Kerajaan mula mengambil alih pentadbiran institusi pendidikan berasaskan wakaf tersebut selepas kemerdekaan untuk diurus tadbir mengikut sistem persekolahan aliran perdana. Kini, institusi pendidikan yang berasaskan wakaf masih wujud termasuk SAR, sekolah agama negeri (SAN), madrasah dan pondok (Asmak 2009).

Wakaf pendidikan di alaf baru telah distruktur sebagai dana alternatif di institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada milik kerajaan atau swasta. Setiap IPT yang melaksanakan wakaf mempunyai nama, model dan kaedah yang tersendiri. Model wakaf Universiti Al-Azhar, Mesir dan konsep derma IPT di Barat menjadi antara panduan pelaksanaan wakaf oleh IPT tempatan (Amerudin 2013). Jika diimbau dari segi sejarah, sumbangan awam untuk IPT juga telah dilakukan. Sebagai contoh guru-guru Melayu Kedah di bawah pimpinan Cikgu Salleh Ibrahim telah mengusahakan sumbangan awam berjumlah RM60,000.00 bagi tujuan penubuhan Jabatan Pengajian Melayu (JPM) di Universiti Malaya (Mohamad Muzammil 2021).



Pengalaman kekangan dana dan kewangan terjadi di IPT sama ada di peringkat pengurusan atau pelajar, malahan peruntukan kerajaan kepada IPT dikurangkan. Terdapat juga institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang terpaksa ditutup berikutan masalah kewangan. Selain itu, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman pengajian oleh para peminjam. Mahasiswa yang belajar di luar negara turut berhadapan dengan isu kewangan. Oleh itu, inisiatif untuk mempelbagaikan sumber pendapatan IPT termasuk wakaf telah digerakkan oleh kerajaan dan disambut oleh IPT contohnya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan lain-lain (Mohd. Ali dan Hasan n.d.). Hal ini juga menunjukkan wakaf mempunyai kekuatan tersendiri sebagai dana sokongan.

Antara sumber atau rujukan yang boleh dimanfaatkan ke arah memperkenalkan wakaf pendidikan untuk sekolah kerajaan sama ada peringkat rendah atau menengah ialah amalan wakaf pendidikan yang sedang diamalkan di institusi pendidikan bukan kerajaan seperti SAR (Maffuza dan Noor Syahida 2014) dan juga di IPT (Mohd. Ali dan Hasan n.d.). Selain itu, buku terbitan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2018) juga boleh menjadi panduan kerana buku ini merupakan manual lengkap pelaksanaan wakaf di semua institusi pendidikan di Malaysia termasuk sekolah.

Di sudut yang lain, pendidikan peringkat awal merupakan nadi kepada pendidikan yang lebih tinggi dalam proses melahirkan warga negara yang berkualiti. Kualiti ini termasuk celik dan berupaya dari sudut ekonomi, sosial serta politik. Persekolahan juga menjadi platform untuk membentuk masyarakat yang menghayati aspirasi negara, memupuk nilai-nilai mulia dan mewujudkan perpaduan dalam kepelbagaian (Mior Khairul Azrin 2011). Sememangnya keperluan membina prasarana untuk rakyat sentiasa meningkat. Hal ini sudah pasti memerlukan kos yang tinggi dan perlu diurus oleh kerajaan. Antara cara kerajaan meningkatkan pendapatan ialah mengoptimumkan penggunaan hasil negara dan menambah sumber pendapatan. Selain pendapatan berasaskan cukai, sesebuah negara juga boleh memanfaatkan zakat dan wakaf sebagai dana komplementatif. Sejarah menunjukkan keupayaan wakaf dalam menyokong kewangan kerajaan bagi menampung kos pembangunan, pendidikan dan kesihatan. Wakaf boleh dimanfaatkan oleh semua sama ada generasi sekarang atau akan datang jika diuruskan dengan sebaiknya kerana memiliki ciri ketekalan jangka panjang iaitu tidak boleh dijual beli, diwaris atau dihibahkan (Farhana dan Asmak 2021).

Walaupun wakaf telah terlaksana dengan hebat dan memberikan banyak faedah kepada orang ramai sama ada umat Islam atau bukan Islam untuk pelbagai tujuan

bagi tempoh masa yang sangat lama, namun pelaksanaan wakaf juga tidak terlepas daripada isu-isu tertentu. Hal ini kerana pelaksanaan wakaf dalam kerangka sistem sesebuah negara atau kerajaan tertakluk kepada beberapa aspek seperti undang-undang, fatwa, latar belakang masyarakat, jumlah dana yang terkumpul serta tahap kepakaran dan kecekapan pengurus wakaf. Ia bermaksud pelaksanaan wakaf bukan sesuatu yang mudah tetapi mesti memenuhi kriteria tertentu agar legitimasi dan objektif wakaf sentiasa terpelihara menurut ketentuan syarak serta undang-undang. Di samping itu juga, kajian, wacana serta penulisan ilmiah berterusan amat penting supaya setiap aspek dan perincian berkaitan pelaksanaan wakaf dapat diteliti dengan sebaik-baiknya.

Berasaskan fakta-fakta dan isu-isu yang telah dibentangkan, maka kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji secara lebih mendalam tentang kebolehlaksanaan wakaf pendidikan untuk sekolah-sekolah di bawah KPM dalam kerangka dan status quo sistem pendidikan semasa di Malaysia. Penubuhan dana wakaf tersebut bermatlamatkan menjadi dana sebagai pelengkap kepada peruntukan kerajaan dan bukan menggantikan peranan utama kerajaan sebagai penyedia pendidikan dalam negara. Perkara ini disebabkan masih belum wujud tabung wakaf yang khusus untuk institusi pendidikan peringkat sekolah (iaitu sebahagian daripada kategori institusi pendidikan kerajaan menurut Sistem Pendidikan Kebangsaan; KPM 2021a) berbanding institusi pendidikan yang lain seperti IPT dan sekolah-sekolah agama swasta yang telah melaksanakan wakaf pendidikan. Penubuhan dana ini amat signifikan sebagai pemangkin dan penyokong dari segi kewangan kepada matlamat melestarikan pendidikan berkualiti untuk semua terutama pendidikan peringkat awal.

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kualitatif merujuk kepada sesuatu yang berasaskan kualiti atau mutu dan bukan bersifat kuantiti (kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Perbezaan ketara antara kajian kualitatif dan kuantitatif ialah inti pati kajian kualitatif berasaskan perkataan manakala kajian kuantitatif menggunakan nombor. Kajian kualitatif merupakan satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang dicetuskan oleh seorang atau sekumpulan individu tentang sesuatu perkara berkaitan kemanusiaan atau sosial (Creswell 2014). Kajian kualitatif juga memfokuskan kepada pemahaman cara manusia menafsirkan pengalaman, membina kehidupan dan memberi makna kepada pengalaman tersebut (Merriam 2009).

Analisis kandungan pula telah digunakan sebagai reka bentuk kajian. Reka bentuk jenis ini bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik untuk menjelaskan kandungan sesuatu komunikasi. Fokus utamanya ialah mengukur kekerapan dan kepelbagaian mesej serta mengesahkan sesuatu hipotesis (Merriam 2009). Kaedah ini sebenarnya berasal daripada pendekatan kuantitatif. Analisis kandungan konvensional memfokuskan kepada pengiraan atau kekerapan bagi kemunculan sesuatu perkataan, frasa atau tema. Perkara ini biasanya tidak terdapat dalam metode yang lain. Para pengkaji boleh mencipta aturan tertentu untuk pengekodan. Analisis kandungan sesuai digunakan untuk menganalisis dokumen seperti akhbar dan komen kepada soalan terbuka (Hancock, Windridge dan Ockleford 2009).

Metode kutipan data pula menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen ialah satu bentuk prosedur yang sistematik untuk membuat ulasan atau penilaian terhadap dokumen-dokumen bercetak atau elektronik. Prosedur tersebut dilakukan dengan menyemak atau menginterpretasi data untuk tujuan menjelaskan maksud, memahami dan membina pengetahuan empirikal. Dokumen yang terlibat ialah dokumen yang mengandungi teks atau imej yang direkodkan tanpa penglibatan pengkaji seperti buku, diari dan jurnal. Bahan-bahan ini boleh diperoleh di perpustakaan, arkib akhbar atau fail jabatan (Bowen 2009).

Dokumen yang dianalisis dalam kajian ini ialah dokumen yang berautoriti dan relevan melibatkan artikel, buku, laporan serta prosiding. Proses tersebut dilakukan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengkaji kebolehlaksanaan wakaf pendidikan untuk peringkat sekolah di Malaysia. Analisis tersebut berasaskan dua dimensi utama iaitu halangan (Rusnadewi dan Rohayati 2014) dan peluang (Siti Mashitoh, Asmak dan Azizi 2018a) untuk memperluaskan wakaf pendidikan di Malaysia. Pelaksanaan dana wakaf tersebut diteliti berasaskan kerangka sistem pendidikan semasa di Malaysia.

Data-data yang diperoleh daripada semua dokumen dianalisis secara deskriptif dan induktif. Deskriptif ialah perbuatan memberikan keterangan (deskripsi) untuk menyampaikan gambaran mental tentang sesuatu yang dialami (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Huraian dan penjelasan dinyatakan bagi membuat tafsiran serta memahami sesuatu fenomena yang terjadi. Kesemua dapatan daripada tinjauan ke atas setiap dokumen yang berkaitan akan dirumus dan direkodkan secara sistematik (Bloomberg dan Volpe 2019). Manakala induktif pula ialah sesuatu yang berkaitan atau menggunakan induksi iaitu proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum (yang bersifat umum) daripada fakta atau maklumat yang bersifat khusus (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Pendekatan induktif bermula dengan perbuatan mengutip dan menafsir

maklumat, kemudian membuat kesimpulan atau generalisasi. Ia berasal daripada contoh yang khusus, diikuti dengan pemerhatian, kajian, tafsiran atau mengenal pasti dan diakhiri dengan membuat generalisasi (kesimpulan) (Sang 2008). Dapat disimpulkan bahawa kaedah induktif merupakan pendekatan yang bermula dengan pernyataan yang khusus dan diakhiri dengan kesimpulan umum. Induktif ialah pendekatan yang berlawanan dengan pendekatan deduktif.

Secara ringkasnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul melalui analisis dokumen, seterusnya dianalisis secara deskriptif dan induktif. Metode yang digunakan bertujuan untuk memahami dengan mendalam dan tepat isu yang dikaji seterusnya mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu mengkaji kebolehlaksanaan wakaf pendidikan untuk sekolah kerajaan dari aspek halangan dan peluang.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dua dimensi utama dalam kajian ini ialah halangan dan peluang pelaksanaan wakaf pendidikan untuk peringkat sekolah kerajaan di Malaysia ke arah memperluas wakaf pendidikan di semua institusi pendidikan di Malaysia sebagai dana sokongan kepada peruntukan kerajaan. Analisis dilakukan terhadap dokumen-dokumen berkaitan bagi mengumpulkan data-data yang dapat menjelaskan dengan tepat dan terperinci isu tersebut.

Rujukan yang paling sesuai untuk mendalami dan memahami secara objektif tentang pelaksanaan semasa wakaf di institusi pendidikan di Malaysia ialah melalui amalan wakaf pendidikan yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Hal ini disebabkan IPTA telah mengorak langkah menubuhkan tabung wakaf secara lebih sistematik. Pengalaman dan strategi di IPTA boleh menjadi panduan oleh institusi-institusi pendidikan yang lain yang masih belum menubuhkan tabung wakaf. Selain itu, IPTA dan sekolah-sekolah kerajaan juga di bawah satu bumbung yang sama iaitu milik kerajaan walaupun terdapat perbezaan dalam banyak aspek. Jika semua institusi pendidikan berusaha mewujudkan tabung wakaf pendidikan, maka visi memperluas atau mengurus perdanakan wakaf di bidang pendidikan mampu direalisasikan.

Beberapa fakta penting dapat dikumpulkan dengan meneliti pelbagai bahan ilmiah dan sumber rujukan tentang pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia berasaskan kajian-kajian terdahulu. Antara fakta tersebut ialah cabaran atau isu berbangkit yang timbul dalam beberapa aspek. Kata kunci atau tema yang membawa maksud

yang hampir sama ialah kekangan, halangan, isu berbangkit, masalah, kelemahan atau kekurangan. Kajian Siti Zakiah dan Hairunnizam (2014) bertajuk “Peranan dan kepentingan dana wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia” menyatakan masalah pelaksanaan wakaf di IPTA ialah dari segi pengurusan.

Kajian Suziana dan Romzie (2017) bertajuk “Cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi IPT di Malaysia” pula menyenaraikan enam cabaran iaitu kefahaman awam, pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), kepakaran, undang-undang, pengurusan data dan maklumat serta dana. Manakala kajian Rohayati dan Rusnadewi (2018) bertajuk “Pelaksanaan wakaf di universiti awam: Cabaran dan cadangan penambahbaikan” menyenaraikan lima cabaran iaitu kefahaman warga IPT, kepakaran, dana, kesedaran masyarakat dan rujukan. Seterusnya, kajian Mohd. Ali dan Hasan (n.d.) berjudul “Beberapa isu berbangkit implikasi pengenalan skim wakaf untuk pendidikan tinggi di Malaysia” menyatakan tiga isu iaitu undang-undang, pentadbiran MAIN serta pengurusan wakaf di IPT yang merangkumi tiga isu iaitu kumpulan pentadbiran, mentaliti awam dan pemasaran. Satu lagi kajian Mohd. Ali (2015) pula bertajuk “Wakaf sebagai alternatif pembiayaan pendidikan tinggi” menyatakan dua isu iaitu undang-undang dan dana.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, dapat diperhatikan beberapa isu utama yang menjadi cabaran dalam pelaksanaan wakaf pendidikan. Kesemua isu yang timbul boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu yang berkaitan dengan elemen manusiawi melibatkan barisan pengurus dana wakaf (berkaitan kecekapan dan kepakaran dalam ilmu-ilmu berkaitan wakaf) dan masyarakat (berkaitan kefahaman dan kesedaran tentang wakaf yang masih rendah). Kumpulan kedua pula melibatkan elemen bukan manusiawi merangkumi kekangan undang-undang (contohnya pemusatan kuasa kepada MAIN), kekurangan dana untuk memajukan harta-harta wakaf sedia ada seperti tanah dan kekurangan bahan rujukan ilmiah dalam hal ehwal pelaksanaan wakaf pendidikan.

Selain kekangan yang telah dinyatakan, terdapat juga kekangan lain. Sebagai contoh, semua sekolah kebangsaan (kategori rendah dan menengah) ialah milik kerajaan persekutuan di bawah KPM. Bidang kuasa pendidikan ialah kuasa kerajaan persekutuan dan bukan terletak di bawah kerajaan negeri berdasarkan Senarai 1, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan (Parlimen Malaysia 1963). Keadaan ini mungkin membataskan usaha untuk mewujudkan wakaf pendidikan bagi sekolah-sekolah kerana wakaf ialah di bawah kuasa kerajaan negeri iaitu hal ehwal Islam (Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan dalam Parlimen Malaysia 1963). Sebagai langkah awal untuk mengatasi isu ini, cadangan supaya prosedur dan

strategi penubuhan tabung wakaf oleh IPT yang juga institusi pendidikan di bawah kerajaan persekutuan boleh dirujuk serta diperhalusi sebagai panduan menubuhkan pula wakaf pendidikan di peringkat sekolah.

Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian pelbagai fakta lain dan sudut pandang yang berbeza, didapati masih terdapat ruang yang boleh dimanfaatkan secara optimum oleh para pemegang taruh pendidikan di Malaysia bagi mengarusperdanakan wakaf pendidikan dengan pelaksanaan di semua sektor dan peringkat termasuk sekolah. Masalah yang wujud tidak seharusnya membantutkan terus usaha memajukan lagi wakaf pendidikan. Oleh itu, kesempatan yang ada mesti direbut agar wakaf terus subur sebagai pelengkap pembiaya pendidikan yang sudah pasti akan memberikan banyak manfaat kepada negara terutama untuk kelangsungan pendidikan berkualiti bagi semua rakyat. Beberapa ruang dan peluang telah dikenal pasti seperti yang dinyatakan dalam penulisan-penulisan akademik yang lepas.

Kajian Yusuff, Murshamshul Kamariah dan Abdul Majid (2016) menyatakan terdapat potensi untuk melonjakkan wakaf atas faktor reputasi Malaysia sebagai sebuah negara Islam serta menjadi antara pemain utama dalam perbankan dan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Di peringkat sekolah pula, topik wakaf dimasukkan dalam silibus Pendidikan Islam. Hal ini dapat membantu menyebar dan meningkatkan kefahaman tentang wakaf kepada masyarakat khususnya kepada guru dan pelajar (rujuk silibus subjek Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Kurikulum Bersepadu Dini subjek Al-Syariah Tingkatan 4) (BPK 2018). KPM juga mempunyai pengalaman dalam mengendalikan beberapa dana sumbangan awam. Antaranya Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) yang dimulakan pada tahun 2013 untuk membuat kutipan dan memberi bantuan kewangan kepada murid miskin di sekolah kerajaan (KPM 2021b). Di samping itu, terdapat juga Akaun Amanah Tabung Penyelenggaraan Sekolah Kerajaan dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (AATPSKIPTA) yang ditubuhkan pada tahun 2019 (KPM 2019). Sebagai langkah awal menubuhkan tabung wakaf pendidikan, sumber-sumber dana ini mungkin boleh ditukarkan kepada dana berkonsepkan wakaf.

Selain itu, kolaborasi pintar dan strategik boleh dijalinkan dengan kementerian lain terutamanya yang berkaitan data serta informasi seperti Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang telah menubuhkan Tabung Wakaf Air Nasional (Wakaf Air) (Dewan Rakyat Parlimen Malaysia 2020, 8–10). Sebagai galakan untuk berwakaf pula, kerajaan juga telah memberikan keistimewaan dalam bentuk potongan cukai kepada para pewakaf berdasarkan Subseksyen 44 (11D), Akta Cukai Pendapatan 1967 (LHDN 2020).

Walaupun ramai pengkaji membangkitkan isu undang-undang terutamanya yang berkaitan pemusatan kuasa kepada MAIN, namun jika diteliti ada peruntukan dalam enakmen wakaf di negeri-negeri tertentu yang membenarkan pihak luar selain MAIN dilantik sebagai pengurus wakaf (*mutawalli*) contohnya di Selangor, Terengganu dan Perak (Siti Mashitoh, Asmak dan Azizi 2018a). Malah IPT juga telah diberikan status *mutawalli* oleh MAIN seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur yang telah dilantik sebagai *mutawalli* oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (UM 2018; UTM News Hub 2020).

Bagi memastikan pelaksanaan wakaf terus diperkasakan di Malaysia, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan antaranya menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji pada tahun 2004 serta penubuhan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada tahun 2008. Seterusnya kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) dalam pembentangan Belanjawan Malaysia 2021 (Ketua Setiausaha Perbendaharaan 2020, 23). Tindakan kerajaan adalah sangat tepat dan signifikan melalui penubuhan agensi wakaf peringkat persekutuan juga boleh menjadi penyelaras dan moderator wakaf yang konstruktif bersama semua kerajaan negeri.

Berdasarkan kesemua fakta yang telah dinyatakan, dapat difahami bahawa masih terdapat ruang dan peluang yang wajar diperhalusi ke arah merangka pelan wakaf pendidikan untuk sekolah yang komprehensif supaya wakaf pendidikan dapat terus diperluas. Hal ini dapat membuka ruang dan menghidupkan harapan agar wakaf pendidikan bukan sahaja menjadi dana picisan tetapi mampu menjadi dana arus perdana. Peluang-peluang tersebut ialah dengan memanfaatkan peranan aktif Malaysia dalam peta kewangan Islam antarabangsa, memberikan pendedahan tentang wakaf di sekolah, inisiatif KPM dalam program pendermaan awam untuk pendidikan seperti penubuhan KWAPM dan AATPSKIPTA, komitmen kerajaan untuk memperkasakan wakaf seperti melancarkan Tabung Wakaf Air Nasional dan PIWN, insentif potongan cukai untuk pewakaf serta peruntukan undang-undang untuk melantik pengurus wakaf (*mutawalli*) selain MAIN.

Kesemua peluang ini boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kerajaan (seperti KPM, MAIN, Lembaga Hasil Dalam Negeri [LHDN] dan pengamal undang-undang kerajaan), ahli akademik (agamawan, guru, pengkaji dan pensyarah seperti merangka silibus tentang wakaf) dan masyarakat (sebagai penyumbang kepada dana wakaf). Kerjasama berkualiti yang erat dan konsisten antara kerajaan, ahli akademik dan masyarakat akan memberikan masa depan yang gemilang kepada wakaf pendidikan di Malaysia. Dengan dana yang ampuh, kualiti pendidikan negara dapat dimajukan seiring perubahan zaman. Teknologi

pendidikan terkini di era pendidikan digital juga mampu disediakan jika mempunyai dana yang mencukupi. Di samping itu, keciciran daripada pendidikan dalam kalangan rakyat disebabkan kemiskinan juga dapat diminimumkan dan mereka dapat menikmati pendidikan yang berkualiti sepanjang hayat secara percuma atau pada kos mampu milik.

Selain faktor-faktor yang membuka ruang untuk memperkasa wakaf pendidikan, terdapat juga beberapa elemen penting yang mesti difokuskan. Elemen-elemen yang menjadi pemangkin keutuhan dan kelestarian wakaf ialah tenaga kerja, pemasaran, pentadbiran, informasi, kewangan serta ditambah lagi dengan elemen penyelidikan, pelaburan dan pembangunan harta wakaf (Norizan, Aisyah dan Zaleha 2018). Oleh itu, semua pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan dan wakaf mesti menggembelng segala kekuatan secara konsisten bagi menjayakan aspirasi murni ini meskipun terdapat kekangan. Maklumat yang diperoleh juga telah mendapati ada perancangan dan perbincangan untuk penubuhan Tabung Wakaf Pendidikan secara kerjasama antara KPM dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji 2020; Yayasan Wakaf Malaysia 2020). Semoga usaha ini akan dijayakan sehingga membuahkan hasil yang terbaik untuk pendidikan negara.

## **KESIMPULAN**

Pendidikan ialah hak asasi manusia yang diiktiraf sejagat. Setiap insan berhak kepada akses mendapatkan pendidikan yang berkualiti untuk kemajuan diri dan menyumbang kepada pihak lain. Namun begitu, kos pendidikan adalah sangat tinggi. Dana sokongan selain peruntukan kerajaan amat penting untuk diwujudkan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan pendidikan secara lestari. Wakaf pendidikan merupakan alternatif terbaik berdasarkan rekod keunggulannya sejak dahulu hingga kini. Namun, matlamat ke arah memperluas wakaf pendidikan di Malaysia iaitu mewujudkan dana wakaf untuk semua sektor dan peringkat pendidikan termasuk di sekolah-sekolah kerajaan akan menghadapi beberapa kekangan seperti isu undang-undang dari segi perbezaan bidang kuasa dalam hal ehwal pendidikan dan wakaf. Walau bagaimanapun, di sudut yang lain masih wujud peluang-peluang bagi menjayakan hasrat murni ini seperti kerjasama strategik para pemegang taruh dalam pendidikan dan wakaf di negara ini untuk memperluas wakaf ke semua institusi, sektor dan tahap pendidikan termasuk di peringkat sekolah. Diharapkan cadangan ini dapat membuka jalan bagi meneruskan kecemerlangan wakaf untuk pendidikan seperti yang telah dicapai pada zaman kegemilangan Islam. Perancangan, penyelidikan dan perbincangan bersepadu



daripada semua pihak berkepentingan amat penting sehingga dapat merumuskan satu pelan dan model wakaf pendidikan nasional yang komprehensif.

## **RUJUKAN**

- Adebayo, S.A. and A.G.Z. Abdul Raheem. 2019. Islamic finance instruments as alternative financing to sustainable higher education in Nigeria. *Global Journal al-Thaqafah* 9(1): 35–48. <https://doi.org/10.7187/GJAT072019-3>
- Amerudin Ismail. 2013. Konsep dan pengurusan wakaf pendidikan di sekolah agama rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Master's diss., Universiti Sains Malaysia.
- Asharaf Mohd. Ramli. 2019. Inovasi model wakaf tunai di Malaysia berlandaskan kepada garis panduan fatwa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 18(2): 1–12.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1):113–152. <https://doi.org/10.15408/aiq.v1i1.2455>
- Azizi Umar, Mohd Syuja' Saedin and Nazri Muslim. 2013. Pelaksanaan pendemokrasian pendidikan ke atas sekolah agama dalam sistem perundangan di Malaysia. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Global 2013*, 110–132. Indonesia dan Malaysia: Universitas Ekasakti, Sumatera dan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). 2018. *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran kurikulum standard sekolah menengah pendidikan Islam tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bloomberg, L.D. and M. Volpe. 2019. *Completing your qualitative dissertation a road map from beginning to end*. Los Angeles: Sage Publications Inc.
- Bowen, G.A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Creswell, J.W. 2014. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Singapore: SAGE Publications Asia-Pacific Pte. Ltd.
- Dewan Rakyat Parlimen Malaysia. 2020. Penyata rasmi Parlimen Dewan Rakyat, parlimen keempat belas penggal ketiga mesyuarat kedua, bil. 22, 18 August.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. 1999. Enakmen wakaf (negeri Selangor) 1999.
- Edeh, M.O., C.E. Nwafor, A.O. Faith, S. Shuvro, G.A. Fyनेface, S. Aabha and O.A. Alhuseen. 2020. Impact of Coronavirus pandemic on education. *Journal of Education and Practice* 11(13): 108–121.
- Elia Syarafina Abdul Shakur, Nor Hayati Sa'at and Noorhaslinda Kulub Abd. Rashid. 2021. Penentuan tingkah laku pengguna dalam mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampan dalam kalangan isi rumah Melayu. *Kajian Malaysia* 39(1): 165–192. <https://doi.org/10.21315/km2021.39.1.8>
- Farhana Mohamad Suhaimi and Asmak Ab Rahman. 2021. Peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi: Analisis ke atas projek bazar wakaf rakyat terpilih. *Islāmiyyāt* 43(special issue): 115–127.

- Hancock B., K. Windridge K. and E. Ockleford. 2009. *An introduction to qualitative research*. Nottingham and Sheffield: The NIHR RDS EM / YH.
- Haziyah Hussin, Najah Nadiyah Amran, Nur Farhana Abdul Rahman, ‘Adawiyah Ismail and Zamzuri Zakaria. 2021. Amalan pentaksiran alternatif dalam program pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *Islāmiyyāt* 43(1): 3–14. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-01>
- Kamarul Azmi Jasmi and Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. 2018. *Panduan pengurusan wakaf institusi pendidikan*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji.
- \_\_\_\_\_. 2020. Penubuhan wakaf pendidikan di bawah KPM (E-mail). 9 December.
- Jasni Sulong. 2015. Pondok education in Seberang Perai: Its evolution and uniqueness. *Kajian Malaysia* 3(2): 75–90.
- Kamus Dewan Edisi keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan. 2018. *Ucapan belanjawan 2019*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2019. *Ucapan belanjawan 2020*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2020. *Ucapan belanjawan 2021*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia). 2002. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2013. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Putrajaya: KPM.
- \_\_\_\_\_. 2019. *Brosur akaun amanah tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institusi pendidikan tinggi awam (AATPSKIPTA)*. Putrajaya: KPM.
- \_\_\_\_\_. 2021a. Korporat: Bahagian dan Unit. <https://www.moe.gov.my/korporat/bahagian-unit> (accessed April 2021).
- \_\_\_\_\_. 2021b. Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). <https://www.moe.gov.my/bantuan-kumpulan-wang-amanah-pelajar-miskin-kwapm> (accessed April 2021).
- KPT (Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia). 2016. *UniTP Purple book enhancing university income generation, endowment & waqf*. Putrajaya: KPT.
- LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri). 2020. Garis panduan untuk kelulusan ketua pengarah (KP) hasil dalam negeri di bawah subseksyen 44 (11D), Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi wakaf.
- Maffuza Salleh and Noor Syahida Abdul Rahman. 2014. Wakaf pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan. Paper presented at Proceedings International Research Management and Innovation Conference 2014, Kuala Lumpur. 17–18 December.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative research a guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. 2011. Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika* 4(1): 33–48.

- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2021. Persatuan guru Melayu Kedah (PGMK), 1946–1956: Isu-isu pendidikan dan perguruan. *Kajian Malaysia* 41(2): 195–219. <https://doi.org/10.21315/km2023.41.2.10>
- Mohd. Ali Muhamad Don. 2015. Wakaf sebagai alternatif pembiayaan pendidikan tinggi. Paper presented at Prosiding International Conference on Malay Heritage and Civilisation (ICOMHAC2015), Langkawi, Kedah. 16–17 December.
- Mohd. Ali Muhamad Don and Hasan Bahrom. n.d. Beberapa isu berbangkit implikasi pengenalan skim wakaf untuk pendidikan tinggi di Malaysia. [https://www.academia.edu/28713184/BEBERAPA\\_ISU\\_BERBANGKIT\\_IMPLIKASI\\_PENGENALAN\\_SKIM\\_WAKAF\\_UNTUK\\_PENDIDIKAN\\_TINGGI\\_DI\\_MALAYSIA](https://www.academia.edu/28713184/BEBERAPA_ISU_BERBANGKIT_IMPLIKASI_PENGENALAN_SKIM_WAKAF_UNTUK_PENDIDIKAN_TINGGI_DI_MALAYSIA) (accessed 30 April 2021).
- Mohd Huefros Efizi Husain, Mohd Nasir Abd Majid and Muneer Ali Abdul Rab. 2017. Anjakan paradigma waqaf berasaskan prinsip masalah al-mursalalah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 4(3–1): 1–10.
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub and Mohamad Khairul Izwan Rifin. 2017. Wakaf pendidikan di Malaysia: Suatu pengenalan. Paper presented at Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017, Narathiwat, Thailand. 11–12 April.
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria and Mohd Zamro Muda. 2017. Sorotan literatur pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia. *Islamiyyat* 39(1) 2017: 39–46.
- Najibah Mustaffa and Mohd Zamro Muda. 2014. Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1(1): 45–57.
- Nazih, H. 2011. *Mu'jam al-mustalahat al-maliyyah wa al-iqtisadiyyah fi lughah al-fuqaha'*. Damsyik: Dar Al-Kalam.
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul-Rahman and Zaleha Yazid. 2018. Developing a new framework of waqf management. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8(2): 287–305. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i2/3872>
- Parlimen Malaysia. 1963. Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Mengandungi pindaan terkini - Akta 260/2006). <https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/perlembagaan-persekutuan-bm.pdf> (accessed April 2021).
- Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed and Norhanizah Johari. 2017. Pengurusan wakaf di Malaysia: Isu dan cabaran. Paper presented at 4th International Conference on Management and Muamalah 2017, 43–51. Putrajaya. 7–8 November.
- Raja Nor Ashikin Raja Ramli and Nor 'Adha Abd Hamid. 2014. Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: Kajian awal. Paper presented at International Conference on Postgraduate Research, 454–465, Kuala Lumpur. 1–2 December.
- Rasyidah Md. Khalid, Muhammad Amirul Ashraf A. Ghani, Muhammad Zawawi Jalaludin, Suhaimi Ab Rahman and Nurul Aini Yaacob. 2021. Waqaf air dan isu perundangan di Malaysia. *Islāmiyyāt* 43(special issue): 165–172.
- Rohayati Hussin and Rusnadewi Abdul Rashid. 2018. Pelaksanaan wakaf di universiti awam: Cabaran dan cadangan penambahbaikan. *Voice of Academia* 13(2): 23–34.

- Rusnadewi Abdul Rashid and Rohayati Hussin. 2014. Meneroka dimensi wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 8(2): 31–40.
- Sang, M.S. 2008. *Ilmu pendidikan untuk KPLI*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab. Rahman and Azizi Che Seman. 2018a. Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 30(2): 384–410.
- \_\_\_\_\_. 2018b. Pembentukan institusi pengajian tinggi berteraskan wakaf di Malaysia: Cadangan model pelaksanaannya. *Jurnal Syariah* 26(1): 1–22. <https://doi.org/10.22452/js.vol26no1.1>
- Siti Zakiah Ali and Hairunnizam Wahid. 2014. Peranan dan kepentingan dana wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Paper presented at Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9, 216–225, Terengganu. 17–19 October.
- Suziana Mohamed Nor and Romzie Rosman. 2017. Cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia. Paper presented at the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017, 296–308, Selangor. 4–5 December.
- UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization). 2019. *Right to education handbook*. Paris: UNESCO and Right to Education Initiative.
- United Nations. 1948. Universal Declaration of Human Rights (UDHR) 1948. <https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-rights> accessed April 2021).
- UM (Universiti Malaya). 2018. *Wakaf*. <https://epay.um.edu.my/wakaf/about/howitwork> (accessed April 2021).
- UTM News Hub. 2020. *Majlis perasmian pejabat unit dana wakaf UTM Kuala Lumpur*. <https://news.utm.my/ms/2020/08/majlis-perasmian-pejabat-unit-dana-wakaf-utm-kuala-lumpur/> (accessed April 2021).
- Yayasan Wakaf Malaysia. 2020. Penubuhan wakaf pendidikan di bawah KPM (E-mail). 8 December.
- Yusuff Jelili Amuda, Murshamshul Kamariah Musa and Abdul Majid Tahir Mohamed. 2016. Empirical study on the feasibility of UNISZA’s staff cash *waqf* and its possible impact on human development in Terengganu. *Global Journal Al-Thaqafah* 6(2): 19–36. <https://doi.org/10.7187/GJAT11120160602>